

SOALAN NO: 256

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]

TARIKH :

SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit Denggi pada tahun 2015 hingga 2016 (mengikut pecahan setiap bulan), langkah-langkah yang telah diambil untuk memerangi wabak Denggi, termasuk jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini di negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes Denggi di negeri Selangor pada tahun 2015 adalah **63,387** kes dan tahun 2016 (sehingga 20 Februari 2016) adalah **11,530** kes. Jumlah peruntukan yang digunakan untuk menangani masalah Denggi tahun 2015 adalah sebanyak **RM 10,583,392.00** dan pada awal tahun 2016, jumlah peruntukan tersebut adalah sebanyak **RM 1,544,000.00**. Malah jumlah ini tidak termasuk peruntukan untuk bayaran elauan lebih masa dan lain lain

bagi anggota yang menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di negeri tersebut.

Hasil analisa mendapati, punca utama berlakunya kejadian kes dan wabak denggi di Selangor adalah disebabkan oleh isu persekitaran yang kotor disebabkan oleh sikap masyarakat, pembuangan sampah yang tidak terurus, kewujudan tempat pembuangan sampah haram, keadaan premis serta tanah lot kosong yang terbiar yang menyumbang kepada punca pembiakan nyamuk.

Untuk menangani masalah denggi di negeri Selangor, pada dasarnya pendekatan yang dilakukan adalah seperti berikut :-

- i) Mengaplikasi strategi pencegahan dan awalan denggi berdasarkan Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi
- ii) Memastikan peruntukan dan sumber tenaga yang diperlukan oleh Selangor adalah mencukupi.
- iii) Melaksanakan pendekatan kaedah baru dengan mengawal denggi melalui sistem Ekosistem bermula tahun 2015 termasuk melaksanakan kaedah baru iaitu semburan racun serangga kepada dinding premis "Outdooor residual spray".
- iv) Melaksanakan tindakan bersepadu bersama enam Kementerian lain dan agensi lain melalui Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri.
- v) Lawatan pemantauan di lapangan dengan lebih kerap oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri dan Pegawai Tertinggi Ibu

Pejabat Kementerian Kesihatan ke kawasan yang bermasalah dengan seperti daerah Petaling dan Hulu Langat.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah dilakukan meliputi perkara berikut :-

1. Mempertingkatkan sumber manusia dan aset melalui mobilisasi anggota dari unit lain ke Unit Vektor Daerah untuk membantu aktiviti kawalan Denggi termasuk bantuan anggota dan aset dari daerah yang kurang beban Denggi ke daerah yang memerlukan terutama semasa Operasi Denggi secara besar- besaran. Selain itu JKN Selangor juga melakukan pengambilan Pekerja Sambilan Harian, menggunakan perkhidmatan Pest Control Operator di 4 daerah utama iaitu Petaling, Gombak, Hulu Langat dan Klang serta membuat sewaan kenderaan.
2. Mendapatkan peruntukan khas (selain dari agihan tahunan biasa) bagi aktiviti kawalan denggi di Selangor khususnya untuk aktiviti Perkhidmatan Pest Control Operator (PCO), Pembayaran Gaji Pekerja Sambilan Harian dan sewaan kenderaan.
3. Membentuk kerjasama dengan agensi lain bagi membantu aktiviti kawalan denggi setempat seperti kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi lain seperti Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Astro Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor,

Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dan pengusaha perindustrian dalam menangani Denggi di kalangan pekerja terutama warga asing.

4. Mengadakan Mesyuarat Wabak Denggi di peringkat daerah, dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah setiap minggu bagi daerah yang mempunyai wabak.
5. Mengadakan platform bagi membincangkan isu kawalan Denggi serta perkongsian maklumat di kawasan bersempadan melalui Mesyuarat Kawalan Denggi di Kawasan Sempadan bermula tahun 2013 iaitu melibatkan Selangor, Kuala Lumpur/ Putra Jaya dan Negeri Sembilan
6. Menjadi ahli jawatankuasa tetap Mesyuarat Petugas Khas Denggi Peringkat Kebangsaan bagi membincangkan isu Denggi serta peranan agensi luar yang turut dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Selangor.
7. Memperkasakan masyarakat mengenai kesedaran Denggi seperti membuat Inovasi seperti pengedaran *door tag* Denggi dan *Dengue Kit* di lokaliti hotspot/ wabak, pemasangan banner dan edaran risalah di lokaliti wabak serta penggunaan *Facebook Denggi Selangor*.
8. Melaksana aktiviti pencegahan di kawasan berisiko tinggi termasuklah beberapa kawasan tumpuan awam melalui

perlaksanaan pendekatan ekosistem di lokaliti terpilih, menjalankan aktiviti cari dan musnah, menjalankan aktiviti larvaciding dan merancang aktiviti gotong royong di tanah lot kosong yang berisiko tinggi pembiakan.

9. Pengukuhan aktiviti surveyan dengan mewujudkan pangkalan data di Bilik Gerakan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri serta melalui peranan *One Stop Centre*.
10. Aktiviti lain termasuk pengukuhan pembangunan kapasiti seperti memberi latihan penggunaan racun, melakukan penyeliaan aktiviti kawalan dan audit penilaian risiko di kawasan hotspot.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHARLES
ANTHONY SANTIAGO [KLANG]**

SOALAN : 257

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah pengundi yang telah berdaftar pada setiap suku dari tahun 2012 hingga 2015 di negeri Selangor, dan khususnya di kawasan Parlimen Klang, termasuk pecahan kaum (racial breakdown).

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih baru yang telah berdaftar dari Suku Tahun Pertama Tahun 2012 hingga Suku Tahun Keempat Tahun 2015 di negeri Selangor adalah sebanyak **192,405 orang** manakala jumlah pemilih baru yang telah berdaftar dari Suku Tahun Pertama Tahun 2012 hingga Suku Tahun Keempat Tahun 2015 di bahagian pilihan raya Parlimen Klang adalah sebanyak **9,351 orang**. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menyediakan perincian maklumat daftar pemilih baru bahagian pilihan raya Parlimen mengikut kaum.

Sekian. Terima kasih.